

Skuad Kelantan sebelah kaki ke perlawanan akhir PERR2017



KELANTAN memiliki bekalan selesa selepas menewaskan Kuala Lumpur 2-0 pada aksi separuh akhir pertama PERR2017 di Serdang semalam.

PASUKAN Kelantan sebelah kaki ke peringkat akhir kejohanan Piala Emas Raja-Raja 2017 (PERR2017) selepas menumpaskan Kuala Lumpur 2-0 pada aksi separuh akhir pertama di Stadium Universiti Putra Malaysia, Serdang semalam.

Dua jaringan tersebut menyaksikan pasukan juara edisi 2010 itu mendapat bekalan selesa untuk dibawa pada aksi separuh akhir kedua di Stadium Sultan Muhammad IV, Kota Bharu pada 28 Oktober ini.

Pada perlawanan tersebut, skuad kendalian Kamaruddin Mohd. itu berjaya memecah kebuntuan hasil jaringan Mohd. Fikram Mohamad

pada minit ke-20 untuk memberi kelebihan buat pasukan pilihan dari Pantai Timur itu.

Bersambung pada babak kedua, pasukan pelawat semakin ghairah untuk menggandakan kedudukan dan gol yang dicari telah dijaringkan oleh pemain pasukan tuan rumah, Mohamad Azwan Nasyriq seminit sebelum wisel penamat ditiuangkan menjadikan keputusan 2-0 kekal sehingga tamat perlawanan.

Dalam satu lagi aksi separuh akhir, Selangor pula mensia-siakan kelebihan bermain di laman sendiri apabila sekadar terikat tanpa jaringan dengan Pulau Pinang pada saingan yang

berlangsung di Stadium Sungai Besar, Sabak Bernam semalam.

Keputusan tersebut menyaksikan skuad kendalian Azhar Shariff perlu bekerja keras apabila bertandang ke Stadium Universiti Sains Malaysia (USM) minggu depan sekiranya berhasrat untuk melangkah ke pentas akhir buat kali pertama sejak edisi 2003.

Sebagai rekod, PERR yang kini memasuki edisi ke-77 merupakan kejohanan bola sepak kedua tertua dalam negara selepas Piala Malaysia.

Juara tahun lalu, Pahang gagal mempertahankan kejuaraan selepas terkandas di peringkat Kumpulan C.